

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 36

TVET asas bina kemampanan ekonomi Malaysia

TVET asas bina kemampanan ekonomi Malaysia

Usaha lahirkan generasi berkemahiran tinggi penuhi keperluan dinamik industri

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kekal menjadi keutamaan bagi Malaysia memandangkan ia antara asas untuk membangunkan kemampanan ekonomi negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, TVET dikenal pasti sebagai antara 14 permacu perubahan dalam Rancangan

Malaysia Ke-12 (RMK-12), dengan pelbagai strategi dirangka termasuk merombak tadbir urus TVET; mempromosikan TVET sebagai satu jenama; meningkatkan kualiti program TVET dan mewujudkan pangkalan data berkaitan laluan TVET serta padanan kerjaya.

Katanya, bagi memperkemas tadbir urus dan penyelarasan TVET, Majlis TVET Negara ditubuhkan pada Disember 2020 dan majlis itu bermesyuarat pada 3 Februari lalu untuk membincangkan cara memperkuuh ekosistem TVET.

Jelasnya, dalam mesyuarat itu, majlis berkenaan sudah mengesahkan, antara keputusannya untuk menubuhkan Bahagian Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC).

"Kami sasar untuk melahirkan graduan berkualiti tinggi yang memiliki kemahiran relevan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan dinamik

industri," katanya pada Siri Webinar SDG: Pendidikan TVET Berkualiti untuk Masa Depan - Perspektif Penawaran dan Permintaan.

Siri webinar itu adalah anjuran bersama Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jeffrey Sachs Centre on Sustainable Development (JSC)/ Sustainable Development Solutions Network (SDSN) Malaysia.

Melangkah ke hadapan, Mustapa berkata, usaha mesti dijukan ke arah mengurangkan jurang dalam ekosistem TVET.

Justeru, beliau berkata, institusi TVET mesti sentiasa mendedahkan pelajar kepada teknologi baharu muncul.

"Dalam hubungan ini, Hab Kerjasama TVET akan berfungsi sebagai platform untuk pertukaran kepakaran dan teknologi antara institusi TVET dan industri," katanya.

Mustapa berkata, bagi mencapai sasaran kemasukan se-

Dalam hubungan ini, Hab Kerjasama TVET akan berfungsi sebagai platform untuk pertukaran kepakaran dan teknologi antara institusi TVET dan industri

Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri
(Ekonomi)



kurang-kurangnya 55 peratus daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke program TVET seperti yang digariskan dalam RMK-12, akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan program TVET perlu ditambah baik.

Beliau berkata, pendedahan mesti diberikan kepada pelajar bermula dari usia yang sangat muda untuk memberitahu mereka mengenai faedah mengikuti pendidikan TVET serta banyak potensi laluan kerjaya.

Selain itu, katanya, sistem penarafan untuk institusi TVET akan diperkenalkan berdasarkan banyak komponen, termasuk kebolehpasaran, tahap gaji graduan, pembabitan industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar.